

Pengetahuan Warisan Budaya dalam Kalangan Generasi Milenia: Permainan Tradisional

Noriha Basir^{1*}, Noor Asliza Abdul Rahim¹, Zuhairah Idrus¹, Masturah Sabri¹, Wan Nor haizar Harun¹

¹Pusat Bahasa Antarabangsa, UniMAP.

ABSTRAK

Malaysia sebuah negara yang mempunyai pelbagai warisan budaya yang terhasil daripada pelbagai kaum dan etnik. Warisan budaya yang dimiliki perlu dipertahankan dan dijaga kerana ia menggambarkan jati diri dan lambang sesebuah negara. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan pengetahuan warisan budaya permainan tradisional dalam kalangan generasi Milenia. Metodologi kajian dilaksanakan secara soal selidik dan responden bagi kajian ini ialah 72 orang pelajar Diploma Tahun 1 Semester 1 Sesi Pengajian 2019/2020 bagi Kursus Kejuruteraan Mikroelektronik yang mengambil subjek DVW 410 (Bahasa Melayu). Kaedah kuantitatif dan kualitatif data akan dimanfaatkan dalam analisis kajian ini. Kerangka analisis kajian akan dibahaskan mengikut pendekatan pemikiran Wan Abdul Kadir (2007). Pengetahuan Permainan Tradisional ini juga terangkum dalam kearifan lokal iaitu sebahagian dari budaya suatu masyarakat yang tidak dapat dipisahkan dari bahasa masyarakat itu sendiri. Kearifan lokal umumnya dipelihara secara turun temurun melewati cerita dari mulut ke mulut oleh masyarakat setempat dan pengetahuan tersebut dapat memberi kesedaran mengenai budaya setempat. Oleh yang demikian, sumbangan hasil kajian ini juga amat bermanfaat untuk memelihara seni warisan budaya Malaysia seperti yang digariskan dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005.

Kata Kunci: Warisan Budaya, Generasi Milenia, Permainan Tradisional, Akta Warisan Kebangsaan, 2005.

*Koresponden: noriha@unimap.edu.my

Cultural Heritage Knowledge in Millennium Generation: Traditional Games

ABSTRACT

Malaysia is a country of diverse cultural heritage that comes from various races and ethnicities. Owned cultural heritage needs to be maintained and maintained as it reflects on the identity and symbols of a country. This paper aims to discuss the traditional cultural heritage knowledge among the Milenian generation. The research methodology was conducted by questionnaire and respondents for this study was 72 students of 1st Year Diploma of Semester 1 of Study Session 2019/2020 for Microelectronic Engineering Course for subject of DVW 410 (Bahasa Melayu). The quantitative and qualitative methods of data will be utilized in the analysis of this study. The framework of the analysis of the study will be debated according to the approach of Wan Abdul Kadir (2007). This Traditional Game Knowledge is also included in local wisdom which is part of the culture of a society that cannot be separated from the language of the community itself. Local wisdom is generally maintained through generations through word-of-mouth by local communities and that knowledge can create awareness on local culture. Consequently, the contribution of this study is also beneficial for preserving the Malaysian cultural heritage art as outlined in the National Heritage Act, 2005.

Keywords: Cultural Heritage, Milenia Generation, Traditional Game, National Heritage Act, 2005.